



# Duduk di rumah Amalkan jarak sosial

PERCUMA

MEI 1-15, 2020



PENANG  
2030

## BULETIN MUTIARA



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkoneyeow



@ChowKonYeow

# Pelaburan 2019

## FDI tertinggi dalam negara dan sejarah negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang merekodkan pelaburan langsung asing (FDI) paling tinggi dalam negara bagi sektor pembuatan iaitu RM15 bilion pada 2019, sekaligus mengekalkan reputasi sebagai salah satu daripada destinasi pelaburan utama negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, angka tersebut adalah berdasarkan laporan pelaburan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi tahun 2019.

“Jumlah keseluruhan pelaburan (domestik dan FDI) yang diluluskan dalam sektor pembuatan adalah RM16.9 bilion membabitkan 166 projek diluluskan.

“(Dan) jumlah tersebut (RM16.9 bilion) merupakan pencapaian tertinggi dalam sejarah negeri kita setakat ini.

“Hal ini, membuktikan bahawa pelabur-pelabur asing masih mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap ekosistem pelaburan yang ditawarkan oleh Pulau Pinang.

“(Meskipun) Pulau Pinang tidak memiliki sumber asli, tetapi kita mempunyai sumber kemahiran serta bakat yang sering dicemburi, menjadi daya penarik kepada para pelabur,” ujarnya pada siaran langsung yang disiarkan melalui Facebook beliau @ChowKonYeow di sini 22 April lalu.

Menurut Kon Yeow, sektor perkhidmatan menjadi penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang, iaitu kira-kira 49 peratus, diikuti sektor pembuatan 46 peratus.

“Sebahagian perbelanjaan dalam sektor ini adalah daripada industri pelancongan yang mana ia termasuk

perbelanjaan untuk makanan jalanan (*street food*) negeri kita yang terkenal di seluruh dunia; rekreasi; seni dan kebudayaan; pelancongan perubatan; sektor MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran); perhotelan; inap desa dan sebagainya.

“Malah, sektor perkhidmatan di Pulau Pinang juga menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 300,000 pekerja, separuh daripadanya terlibat dalam sektor pelancongan,” umumnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa berdasarkan laporan penilaian krisis oleh badan pemikir Kerajaan Negeri, *Penang Institute*, sebanyak 99 peratus perniagaan dalam sektor perkhidmatan di Pulau Pinang berada dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME).

“(Kategori ini) membabitkan empat sektor utama iaitu pertanian, pembinaan, pembuatan serta perkhidmatan yang mana sektor perkhidmatan merupakan yang paling terkesan akibat krisis COVID-19.

“(Malah), berdasarkan analisis itu juga, 74.9 peratus SME dalam subsektor seni, hiburan serta rekreasi merupakan perusahaan mikro dan risiko ekonomi terhadap perusahaan ini amat tinggi sekali.

“(Oleh itu), Kerajaan Negeri telah membuat keputusan menubuhkan ‘Pasukan Kerja Next Normal Pelancongan Pulau Pinang’ bagi memastikan kelangsungan sektor ini.

“Saya sendiri akan mempengerusikan pasukan kerja ini manakala Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Negeri Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin sebagai Timbalan Pengerusi dengan *Penang*

*Global Tourism* (PGT) sebagai sekretariat.

“(Dan) Kerajaan Negeri akan terus memastikan ekonomi Pulau Pinang terus berdaya tahan walaupun berdepan situasi baru (luar jangka) akibat wabak pandemik COVID-19 ini,” jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut melaporkan situasi semasa COVID-19 di Pulau Pinang.

“Saya bersyukur kerana sudah lebih seminggu (sehingga 22 April 2020) Pulau Pinang mencatatkan sifar kes (0 kes) COVID-19 dan ia bukanlah pencapaian yang mudah.

“Di sebalik (pencapaian) angka ini, petugas barisan hadapan berperah keringat memastikan pesakit dikesan, disaring, dirawat dan dijaga sebaik-baiknya.

“Di sebalik angka-angka ini, anggota polis, tentera, pertahanan awam, RELA (Jabatan Sukarelawan Malaysia), Imigresen dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bermandi peluh bagi memastikan kita semua mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Begitu juga pekerja pembersihan yang memastikan persekitaran kita bersih dan selamat tanpa perlu bimbang tentang perebakan wabak yang disebabkan oleh persekitaran yang kotor,” katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada

**Pulau Pinang mencatatkan pelaburan langsung asing (FDI) bagi sektor pembuatan sebanyak RM15 bilion pada 2019, tertinggi dalam negara dan sejarah negeri.**

**Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pembuatan bagi setiap negeri (2019)**

| Pulau Pinang      | RM 15 bilion    |
|-------------------|-----------------|
| Selangor          | RM 10.4 bilion  |
| Kedah             | RM 8.086 bilion |
| Johor             | RM 6.538 bilion |
| Sabah             | RM 4.853 bilion |
| Pahang            | RM 3.938 bilion |
| Sarawak           | RM 1.745 bilion |
| Perak             | RM 1.624 bilion |
| Negeri Sembilan   | RM 1.306 bilion |
| Melaka            | RM 269.9 juta   |
| Perlis            | RM 53.3 juta    |
| Terengganu        | RM 50 juta      |
| Kelantan          | RM 6.4 juta     |
| W.P. Kuala Lumpur | RM 4.7 juta     |

Sumber : MIDA.

wakil-wakil rakyat, pemimpin di peringkat Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta badan-badan bukan kerajaan (NGO)

juga bertungkus lumus memastikan kebajikan dan kesejahteraan semua sepanjang tempoh krisis kesihatan ini.

## Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas

# TYT zahir penghargaan kepada pimpinan negeri, barisan hadapan tangani COVID-19

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMMAD & ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** - Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas berkenan menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas di sini 17 April lalu.

Ketibaan Abdul Rahman di Dewan Sri Pinang disambut oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Turut sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar serta barisan tertinggi kepimpinan negeri.

Pembukaan persidangan bagi penggal ini adalah agak menarik dalam bersejarah apabila berlangsung serba ringkas tanpa istiadat kawalan kehormatan seperti lazimnya.

Malah, Abdul Rahman tidak berucap panjang kecuali melafazkan ucapan perasmian semata-mata memandangkan negara kini masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Walau bagaimanapun, teks ucapan penuh diedarkan kepada semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Dalam teks ucapan penuh, Abdul Rahman menzahirkan ucapan tahniah dan syabas atas kepimpinan Ketua Menteri dalam mengurus

tadbir Negeri Pulau Pinang dengan cemerlang tatkala negeri dan negara tercinta dilanda wabak COVID-19.

"Saya percaya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh jentera pentadbiran kerajaan telah melaksanakan tanggungjawab dan memberikan komitmen yang terbaik dalam memastikan perkhidmatan Kerajaan Negeri khususnya dapat berfungsi tanpa sebarang masalah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.

"Saya juga mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wira barisan hadapan terutamanya Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), RELA (Jabatan Sukarelawan Malaysia), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan semua jabatan serta agensi kerajaan yang terlibat dalam misi pencegahan wabak COVID-19.

"Hanya Tuhan yang dapat membalasnya (komitmen yang tinggi oleh barisan hadapan). Sesungguhnya anda semua ialah wira kami.

"Serentak itu, semua rakyat Pulau Pinang adalah diharapkan mengikut arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) supaya duduk di rumah," ujarinya yang turut mendoakan kesejahteraan serta



**DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) ketika menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas di sini baru-baru ini.**

kemakmuran rakyat di negeri ini.

Menyingkap prestasi pelaburan sepanjang tahun 2019, Abdul Rahman memaklumkan bahawa pelaburan Negeri Pulau Pinang adalah amat memberangsangkan.

Walau bagaimanapun, perhatian serius harus diberikan kini apabila penularan pandemik COVID-19 terhadap situasi pelaburan dan rantaian pembekalan global memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada kebanyakan syarikat.

"Kerajaan Negeri perlu terus meningkatkan usaha untuk memperkasa dan menggalakkan pelaburan tempatan serta luar negara sama ada dalam bentuk pelaburan baru atau pelaburan semula bagi merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negeri.

"Lazimnya, penyumbang utama Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang adalah sektor

pembuatan dan perkhidmatan.

"Sektor pertanian juga memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negeri kita.

"(Oleh itu), Kerajaan Negeri perlu membantu dan memberi dorongan kepada para peladang, penternak serta nelayan terutama dalam menghasilkan produk tertumpu (*niche*).

"Penggunaan teknologi moden juga perlu dipertingkatkan dan menjadi amalan agar produktiviti serta pasaran hasil tani, ternakan dan perikanan terus dipertingkatkan," katanya.

Dalam teks ucapan, Abdul Rahman turut menyentuh isu gelandangan yang merupakan isu rumit untuk diselesaikan oleh mana-mana kerajaan baik di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

"Menyedari perkara tersebut,

saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri yang mengambil inisiatif untuk membina Pusat Transit Gelandangan bagi membendung dan menangani isu ini.

"Terima kasih kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana menyediakan bangunan miliknya untuk projek ini di Jalan C.Y. Choy," zahir beliau.

Abdul Rahman juga memuji Kerajaan Negeri yang menjalankan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam pembinaan masjid baharu di negeri ini.

Antara masjid baharu disiapkan adalah Masjid Bukhary, Masjid Jamek Kampung Bonggol dan Masjid Jamek Kampung Rawa.

"Saya berharap agar usaha menbendung ancaman akidah dan ajaran yang bertentangan dengan agama Islam sentiasa diberi perhatian.

"Tugas dan amanah dalam melaksanakan 'amar makruf nahi munkar' hendaklah digalas dengan sikap yang positif, yakin, tegas dan berhikmah agar selari dengan konsep melahirkan 'khaira ummah' (kelompok masyarakat yang baik) di Pulau Pinang," katanya.

Abdul Rahman dalam pada itu mengharap agar Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan semua warga kerja perkhidmatan awam, swasta dan rakyat Pulau Pinang bersama-sama menggembelng tenaga dan daya fikir menyumbang ke arah perancangan pembangunan negeri yang lebih baik dan inklusif.

## COVID-19: Ketua Pembangkang puji usahasama dan inisiatif Kerajaan Negeri

**GEORGE TOWN** - Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Muhammad Yusoff Mohd. Noor memuji usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu rakyat terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri ini.

Beliau lazimnya sentiasa mengikuti perkembangan berhubung wabak COVID-19 dan pelaksanaan arahan PKP sejak 18 Mac lalu.

Malah, Muhammad Yusoff turut mengucapkan sekalung penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang turut sama-sama Kerajaan Persekutuan berusaha memastikan 'musuh utama negara' hari ini (COVID-19) berjaya ditumpaskan.

"Saya sedar bahawa di saat ini kita perlu bersama-sama atas dasar keprihatinan terhadap nasib rakyat, kita hentikan seketika soal politik kerana yang paling penting adalah berganding bahu mengekang wabak COVID-19.

"Saya mohon (semua pihak) agar bersabar dan sama-samalah kita

hadapi keadaan ini dengan langkah-langkah sewajarnya.

"Tidak semua rakyat dapat menikmati kehidupan sempurna, masih ada dalam kalangan mereka yang hidupnya perlu dibantu," katanya sambil mengharapkan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat membantu kesejahteraan rakyat serta merangsang ekonomi lokal di negeri ini.

Beliau berkata demikian pada sesi perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas di Dewan Sri Pinang dekat sini 17 April lalu.

Dalam pada itu, Muhammad Yusoff turut mengambil peluang persidangan berkaitan mengucapkan jutaan terima kasih serta syabas atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow selaku Ketua Menteri serta seluruh kepimpinan kerajaan yang tampil dengan Pakej Bantuan

Rakyat Pulau Pinang.

"Peruntukan khas (Dana Bantuan Kecemasan) yang disalurkan kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri juga amat dialu-alukan, dan saya sendiri termasuk ADUN Permatang Berangan dan Penaga sudahpun menggunakan dana tersebut bagi penyediaan keperluan barangan harian.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang turut mengagihkan peralatan seperti topeng muka, sarung tangan, pensanitasi tangan dan termometer untuk kegunaan pusat khidmat," ujarinya.

Dalam sesi perbahasan tersebut, Muhammad Yusoff turut melontarkan beberapa cadangan yang melibatkan kepentingan rakyat Pulau Pinang.

"Antaranya, bantuan kepada peniaga kecil dan penaja yang tidak berlesen termasuk pengusaha makanan kecil-kecilan di kampung; bantuan kepada pengusaha perkhidmatan lori membawa barangan dan pekerja kontrak pembersihan sekolah atau bangunan

pejabat serta kilang yang terputus pendapatan kerana tidak bekerja.

"Selain itu, bantuan kepada pengusaha sektor pertanian termasuk situasi bekalan air yang dihadapi oleh pesawah.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada Ketua Menteri kerana

telah bersetuju untuk melakukan pembenihan awan bagi menangani isu kekurangan air di negeri ini," ucapnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan termasuk sukarelawan yang menyumbang bakti sepanjang tempoh sukar ini.



Oleh: **AZMI HUSSIN**

**Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas**

# Pasca COVID-19: Strategi New Normal Pulau Pinang, komitmen pulihkan semula negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi mengulangi komitmen dalam memastikan keselamatan dan kesihatan rakyat di negeri ini terus terjamin.

Hal ini termasuk usaha membantu sektor ekonomi agar kembali berkembang pesat pasca wabak pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada ucapannya sempena persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Keempat Belas berkata bahawa wabak COVID-19 telah menyebabkan seluruh dunia terhenti seketika secara serentak buat pertama kalinya sejak Perang Dunia Kedua.

"Pengulas ekonomi termasuk *International Monetary Fund* (IMF) bersetuju bahawa krisis ekonomi yang bakal dihadapi pasca COVID-19 adalah yang paling buruk sejak Zaman Kemelesetan 1929.

"Tiada satu negara di dunia ini bersedia menghadapi penularan wabak COVID-19 termasuk kuasa-kuasa besar ekonomi dunia seperti China, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah," ujarnya yang memetik jumlah kes COVID-19 seluruh dunia.

Sehingga 16 April 2020, sebanyak 2,029,930 kes dilaporkan seluruh dunia dengan jumlah kematian mencecah 136,320. Manakala di Malaysia, 5,182 kes dilaporkan dengan 84 kematian.

"Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak perlu menyisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di mana-mana lokaliti dekat Pulau Pinang.

"(Hal ini demikian kerana), mengikut Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, situasi COVID-19 adalah terkawal dan dipantau secara rapi melalui kerjasama erat antara semua agensi (mengikut prosedur operasi standard yang telah ditetapkan)," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua barisan hadapan yang bertungkus-lumus melaksanakan tanggungjawab masing-masing memerangi penularan wabak COVID-19 di negeri ini.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota percaya bahawa di sebalik yang berlaku kini, ada hikmahnya.

"Jabatan dan agensi kerajaan, baik di peringkat Persekutuan mahupun Negeri tidak lagi bekerja secara berasingan ataupun insilo, sebaliknya semua saling melengkapi antara satu sama lain.

"Masyarakat juga memainkan peranan penting, tanpa sokongan mereka, sudah pasti tiada satu kerajaan pun di dunia mampu menangani krisis COVID-19 ini.

"Kita lihat bagaimana badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta yang turut menghulurkan bantuan kepada kelompok yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Syabas saya ucapkan kepada semua," zahirnya.

Selain Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang berjumlah RM75 juta yang diumumkan pada 25 Mac lalu bagi meringankan beban rakyat yang terkesan, Kerajaan Negeri juga giat merangka 'Strategi New Normal Pulau Pinang' bagi memulihkan keadaan seperti sedia kala.



**AHLI-ahli Dewan Undangan Negeri merakam gambar kenangan sejezur penangguhan persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Pulau Pinang Keempat Belas yang diterima sebulat suara.**

Dalam usaha ini, kata Kon Yeow, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang seimbang dengan memfokuskan isu kesihatan awam serta kesejahteraan ekonomi.

"Strategi New Normal Pulau Pinang' ini mempunyai tiga misi utama iaitu mengukuhkan ekosistem di Pulau Pinang; menyelaraskan ekosistem tersebut agar sesuai dengan perubahan abad ke-21 dan membina ketahanan menghadapi sebarang kemungkinan krisis pada masa hadapan.

"Strategi ini akan melihat kepada pembaharuan dalam aspek institusi, ekonomi serta sosial di Pulau Pinang.

"Malah, kita sudah boleh melihat contoh anjakan tersebut dalam operasi Kerajaan Negeri minggu ini yang mana kedua-dua pihak berkuasa tempatan membantu para peniaga kecil dan penaja memasuki e-dagang menerusi kempen dalam talian.

"Kerajaan Negeri juga mengarahkan

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan *InvestPenang* untuk melibatkan industri berdasarkan kekuatan semasa Pulau sebagai hab pembuatan bekalan utama global, sebagai pusat makanan serta hasil tani dan dalam industri elektronik serta elektrik.

"Semua ini akan menjadi usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pasca COVID-19 nanti, justeru, saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat sama berkongsi visi ini dan melihat nilai yang dimiliki oleh Pulau Pinang untuk membantu negara.

"Malah, Kerajaan Negeri juga berikrar melaksanakan pembaharuan ekonomi melalui galakan penggunaan platform digital dalam pelaksanaan pembangunan, menarik pelaburan serta memperbanyakkan peluang pekerjaan untuk rakyat," jelasnya.

Usai ucapan, Kon Yeow dan seluruh DUN Pulau Pinang bertafakur selama seminit bagi

memperingati pemergian mangsa-mangsa COVID-19 seluruh dunia.

Usul bagi penangguhan persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Pulau Pinang Keempat Belas diterima sebulat suara oleh semua Ahli Dewan dan ditangguhkan pada 11:25 pagi, 17 April 2020.

DUN akan bersidang semula pada suatu tarikh yang akan ditetapkan nanti.

Memasuki hari ke-31 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan untuk menuruti Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, supaya bersidang dalam tempoh enam bulan dari tarikh persidangan sebelumnya yang akan tamat pada 7 Mei 2020.

Menariknya persidangan kali ini serba ringkas, tiada kawalan kehormatan seperti kelazimannya. Malah, kesemua 59 soalan lisan akan dijawab secara bertulis.



**SELURUH DUN Pulau Pinang bertafakur selama seminit bagi memperingati pemergian mangsa-mangsa COVID-19 seluruh dunia.**



**YANG Dipertua DUN, Dato' Law Choo Kiang (tengah) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menunggu ketibaan TYT.**



**KETUA Menteri bersama-sama Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (tengah) dan Ketua Pembangkang DUN, Datuk Muhammad Yusoff Mohd. Noor (kiri sekali) mengadakan perbincangan sebelum berlangsungnya persidangan.**

# Pasca COVID-19, tumpu isu pemulihan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan menyifatkan bahawa peruntukan RM30,000 yang disalurkan Kerajaan Negeri kepada setiap ADUN bagi membantu golongan terjejas ekoran impak wabak pandemik COVID-19 di kawasan masing-masing adalah tepat pada masanya.

“Terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri atas keprihatinan dan peruntukan tersebut yang sampai tepat masanya untuk kami (ADUN) menghulurkan bantuan kepada rakyat terjejas.

“Setakat ini, sumbangan membabitkan seramai 380 penerima JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) serta AES (Agenda Ekonomi Saksama), dan 400 keluarga terkesan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban telah selesai diagihkan.

“Kita menjangkakan bakal mengagihkan lagi 500 sumbangan bantuan mengikut senarai nama yang diberikan enam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di sini,” ujarinya pada majlis penyampaian sumbangan keperluan barangan makanan

kepada 45 keluarga terpilih di Dafe Court dan Flat Kos Rendah Bukit Jambul dekat sini 19 April lalu.

Hadir menyempurnakan majlis berkaitan ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Kerajaan Negeri melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang baru-baru ini mengumumkan peruntukan khas dana RM30,000 kepada setiap ADUN sebagai usaha membantu rakyat terjejas ekoran penularan wabak COVID-19 sehingga menyebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus menggembelng usaha dan memberi tumpuan bagi membangunkan semula ekonomi negeri ke peringkat seterusnya.

Menurut beliau, pembangunan masa depan Pulau Pinang adalah tertakluk kepada sejauh mana ekonomi negeri dapat dipulihkan semula pasca wabak COVID-19 berakhir.

“Kebanyakan masyarakat terkesan ekoran wabak ini yang berlanjutan, sama ada daripada segi pendapatan dan juga pekerjaan, masa depan pun bergantung kepada sejauh mana ekonomi kita akan



**A. Kumaresan (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan barangan asas pada majlis penyerahan yang diadakan pada 18 April lalu.**

pulih.

“Justeru, di peringkat Kerajaan Negeri, sememangnya kita (Kerajaan Negeri) memberi penekanan yang seimbang antara kesihatan awam dan (kesihatan) ekonomi.

“Fokus Kerajaan Negeri di peringkat seterusnya adalah memberikan tumpuan kepada isu-isu pemulihan,” jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

## COVID-19: Bertahan di zon hijau, lawan di zon merah

**BUKIT TAMBUN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa kempen ‘Penang Lawan COVID-19’ masih belum menang sepenuhnya di seluruh negara, terutama di kelima-lima daerah di negeri ini.

Justeru, beliau berkata bahawa pihaknya akan terus mengambil posisi ‘bertahan’ di zon hijau dan terus ‘melawan’ di zon merah demi memutuskan semua rantaian perebakan wabak ketika pelaksanaan fasa tiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April 2020.

“Jarak sosial masih menjadi strategi paling sesuai untuk memutuskan rantaian virus ini.

“Sehingga kini, Seberang Perai Selatan (SPS) merupakan daerah yang paling rendah daripada segi rekod kes iaitu 11 kes sejak mula (PKP pada 18 Mac 2020) lagi.

“Lebih satu minggu, daerah SPS tidak ada kes baru direkodkan, semua pesakit yang dirawat telahpun keluar wad sepenuhnya.

“Namun bagi Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) strategi yang dilakukan oleh mereka adalah ‘bertahan’ di zon hijau dan ‘serang’ zon merah (lokalti berisiko bagi penularan wabak),” jelasnya dalam sidang media selepas acara mengedarkan pelitup

muka kepada para penjaja kecil di Pasar Awam Bukit Tambun pada 18 April 2020 dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah yang juga Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud dan beberapa Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut menyertai acara turun padang tersebut.

Turut serta, Pemangku Ketua Polis Daerah SPS, Deputy Supritendan Baayah Abdul Wahab; Ketua Polis Balai Simping Empat dan Pengarah Suruhanjaya Bangunan (COB) MBSP, Sazila Muhamad.

Selepas itu, Kon Yeow bersama-sama pemimpin Kerajaan Negeri meneruskan acara mengedar pelitup muka serta pemantauan amalan PKP di Pasar Awam Taman Tasek Mutiara dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Bakap.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut menyempurnakan acara serahan 300 pek bekalan keperluan asas kepada mereka yang tersenarai sebagai penerima bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) serta bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, peringkat KADUN Sungai Bakap.

Ketika berucap, Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada penduduk daerah SPS kerana menunjukkan disiplin yang tinggi dalam mematuhi PKP, sehingga kini tiada lagi kes membabitkan daerah berkenaan.

“Bagi orang awam, saya rasa, tanggungjawab kita adalah saling bekerjasama dengan pihak berkuasa, (iaitu) mengamalkan jarak sosial serta pembersihan diri, kerap sanitasi atau cuci tangan.

“Kita (Pihak Berkuasa Negeri) tahu bahawa dalam tempoh (PKP) ini, semua seperti terkurung di dalam rumah pangsa masing-masing, itupun bukan suatu perkara yang senang, tetapi, kita minta semua bersabar.

“Kita (JKN) mahu satu dunia hijau, satu Malaysia hijau dan satu Pulau Pinang pun hijau,” serunya dalam majlis yang berlangsung

di kawasan pangsapuri Taman Gunung Puteri, Sungai Bakap.

Serentak itu, Amar Pritpal dan Rozali turut menyampaikan ucapan ringkas dalam majlis yang dilangsungkan mengikut tatacara operasi standard (SOP) sebagaimana digariskan dalam PKP.

### KETAHUI 3 KATEGORI MAKANAN SEBELUM MEMBELI

1



#### MAKANAN MUDAH ROSAK (PERISHABLE FOOD)

Contoh makanan seperti daging, ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan

Jangka hayat makanan 3-7 hari jika disimpan di dalam peti sejuk dan 3-6 bulan di bahagian sejuk beku (ikan, daging dan ayam)

2



#### MAKANAN SEDERHANA MUDAH ROSAK (SEMI-PERISHABLE FOOD)

Contoh makanan seperti bawang, kentang, telur, susu pasteur dan yogurt

Jangka hayat makanan 2 minggu hingga 6 bulan bergantung pada kaedah penyimpanan dan tarikh luput

3



#### MAKANAN TAHAN LAMA (NON-PERISHABLE FOOD)

Contoh makanan seperti beras, gula, tepung, garam, makanan dalam tin dan pouch, gandum dan susu UHT

Jangka hayat makanan dari 6 bulan hingga 2 tahun bergantung pada kaedah penyimpanan dan tarikh luput

## COVID-19: ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TIDAK PERLU PANIK

### AMALKAN LANGKAH-LANGKAH BERIKUT



Simpan makanan pada tempat dan suhu yang betul. Lihat kaedah penyimpanan pada label jika ada. Amalkan FIFO (First In First Out) atau ikut tarikh luput.



Masak dengan sempurna bagi menghindari pencemaran dan jangkitan penyakit/keracunan.



Sentiasa pastikan tempat penyimpanan makanan tiada makhluk perosak (lalat, tikus, lipas, semut, cicak dan lain-lain).



Makan ikut keperluan dan elakkan pembaziran.



**SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) dan Dr. Amar Pritpal Abdullah (barisan depan, dua dari kanan) menyampaikan pelitup muka kepada salah seorang penerima pada majlis penyampaian di Taman Gunung Puteri dekat sini baru-baru ini.**

# Pasca COVID-19, semua pihak perlu tumpu pemulihan sosial dan ekonomi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **ALVIE CHENG**

**BAGAN DALAM** - Menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang berserta insentif tahunan Kerajaan Negeri, seramai 2,252 pemandu teksi di Pulau Pinang masing-masing menerima sumbangan sebanyak RM500 melibatkan peruntukan keseluruhan RM1.1 juta.

Jumlah sumbangan tersebut merupakan insentif separuh tahun kepada pemandu teksi sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, manakala sebahagian lagi adalah bayaran *one-off* yang diumumkan menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang ekoran impak wabak pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa bayaran kepada golongan berkaitan kini mencapai 90.9 peratus iaitu membabitkan 2,045 pemandu, baki yang masih belum terima adalah ekoran dokumen yang tidak lengkap.

“Justeru, Kerajaan Negeri aturkan pendekatan pandu lalu kepada mereka yang tidak dapat kemukakan butir-butir bank bagi proses bayaran sumbangan berkaitan,” ujarnya ketika menyampaikan bantuan secara pandu lalu kepada 72 pemandu teksi peringkat Seberang Perai di Dewan Haji Ahmad Badawi, Butterworth dekat sini pada 25 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Azhar Arshad; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamad dan Setiausaha Bahagian bagi Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), M. Maheswari.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan



**KETUA Menteri menyampaikan insentif kepada salah seorang pemandu teksi secara pandu lalu peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.**

bahawa bagi pemandu *e-hailing* yang menerima insentif *one-off* RM300, peratusan penerimaan sehingga kini adalah 97.25 peratus bersamaan 8,385 pemandu daripada jumlah keseluruhan senarai 8,571 pemandu yang juga disebabkan dokumen tidak lengkap.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Tanjong menyatakan bahawa sudah sampai masanya Kerajaan Persekutuan dan semua pihak dalam negara ini memikirkan soal pemulihan sosial dan ekonomi selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditarik kelak.

“Tempoh PKP yang panjang mendatangkan kesan ekonomi kepada rakyat sebagaimana dihadapi sekarang.

“Rakyat perlu memikul cabaran daripada segi kewangan, dan kita (Kerajaan Negeri) sedia maklum rakyat perlu kerja, perlu pendapatan untuk menyara hidup serta membiayai persekolahan dan

sebagainya.

“Justeru, kita (Kerajaan Negeri) berharap dalam pelaksanaan PKP fasa keempat kelak, sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri bahawa Kerajaan Persekutuan akan meneliti serta memberi kelonggaran kepada subsektor tertentu supaya mereka boleh jalankan aktiviti-aktiviti perniagaan semula, maka pekerja-pekerja juga boleh meneruskan semula pekerjaan.

“Sebagai kerajaan, kita perlu mendengar suara rakyat bahawa sekarang perniagaan tidak boleh beroperasi, maka mereka perlu pikul bayaran sewa, upah atau gaji pekerja-pekerja, jadi, pemantauan keadaan semasa adalah perlu diteruskan,” ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Serentak itu, bayaran insentif separuh tahun kepada 519 operator bas sekolah juga telah disempurnakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

## Santuni gelandangan, luah rasa syukur

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow meluangkan masa turun padang bagi menyantuni golongan gelandangan dan kutu rayau yang ditempatkan di pusat perlindungan sementara dekat Kompleks Masyarakat Penyayang.

Kehadiran beliau ternyata memberikan kejutan kepada golongan berkenaan yang rata-ratanya dilihat menjalani kehidupan harian lebih selesa dan terurus sejak ditempatkan di sana pada 28 Mac lalu sebagai salah satu langkah membendung penularan wabak COVID-19.

Kon Yeow ketika ditemui melahirkan rasa syukur melihat golongan berkaitan yang sebelum ini sering berkeliaran di sekitar Komtar, kini mempunyai tempat berlindung yang lebih selesa buat sementara waktu.

“Seorang hati saya melihat mereka dijaga dengan baik, diberikan makan tiga kali sehari, pandai menjaga kebersihan diri dan perubahan tingkah laku yang ketara.

“Saya percaya dengan apa yang dilihat, mereka gembira berada di sini, tetapi ini hanyalah langkah sementara... diharap mereka akan mencari tempat lebih bersesuaian iaitu pulang ke rumah ataupun mencari pusat perlindungan tetap selepas ini.

“Terima kasih kepada beberapa jabatan berkaitan dan pihak badan bukan kerajaan

(NGO), *Buddhist Tzu Chi Merits Society Malaysia* (Tzu Chi) atas usaha keras mereka bagi memastikan tempat ini diuruskan dengan baik serta efisien,” ujarnya sejurus menyantuni dan mengedarkan kit kebersihan diri sumbangan *Quinton* kepada 39 gelandangan yang ditempatkan di sini sebentar tadi.

Sebanyak 66 katil boleh laras disediakan di tempat perlindungan sementara berkenaan.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri); Khoo Boo Leong (Pesuruhjaya Tzu Chi) dan wakil-wakil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Mengulas lanjut mengenai pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, Kon Yeow dalam responsnya menyeru semua pihak agar terus berjuang mengatasi cabaran ini.

“Kita perlu galakkan terutamanya kepada petugas barisan hadapan, sukarelawan malah semua orang untuk terus berjuang melawan wabak ini

dan mengatasinya dalam masa yang lebih singkat,” seru beliau.

Dalam pada itu, Boo Leong memberitahu bahawa rata-rata gelandangan yang ditempatkan di sini menunjukkan perubahan sikap yang positif sama ada daripada isu kebersihan serta sikap toleransi.

“Mereka boleh basuh baju sendiri, yang muda bantu yang lebih tua, boleh menguruskan dewan ini dengan menyapu, membuang sampah dan sebagainya, ini adalah perubahan tingkah laku positif,” jelasnya.



**KETUA Menteri bersama-sama Phee Boon Poh (kanan sekali) menyantuni salah seorang gelandangan yang ditempatkan dekat Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.**

## COVID-19 tidak kenal warna kulit, Pulau Pinang umum bantuan makanan kepada pelarian

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan kelulusan sejumlah peruntukan dana kepada Persatuan Komuniti Berdikari untuk tujuan membantu komuniti pelarian yang terjejas dek pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri ini.

“Kerajaan Negeri sedar bahawa virus COVID-19 tidak mengenal kaum, agama dan kewarganegaraan.

“Jika kita tidak memastikan keselamatan serta kesihatan komuniti migran di negeri kita, maka secara tidak langsung, kita tidak akan dapat mematahkan rantaian perebakan virus ini.

“Dan, jika kita tidak dapat mematahkannya, maka akhirnya rakyat Pulau Pinang dan rakyat Malaysia juga yang akan terkesan,” jelasnya dalam sesi siaran langsung *Facebook* di Komtar pada 13 April 2020.

Menurut Kon Yeow, sejak 12 April lalu, sebahagian daripada jumlah keseluruhan 20,000 pek bahan makanan membabitkan lima daerah telah mula diedarkan di Daerah Barat Daya kepada golongan sasar yang layak.

Mereka, menurut beliau, adalah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); penerima bantuan program Agenda Ekonomi Saksama (AES); penduduk-penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah kos rendah; dan mana-mana individu atau keluarga yang telah dikenal pasti layak menerima bantuan oleh ADUN Kawasan.

“Terdapat lima lokasi pengumpulan dan pengagihan makanan berpusat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri iaitu Mutiara Food Bank yang beroperasi di Kompleks Masyarakat Penyayang bagi Daerah Timur Laut; Dewan Kompleks Pasar Awam Balik Pulau bagi Daerah Barat Daya ; Pejabat Persatuan Bomba dan Sukarela Raja Uda bagi Daerah Seberang Perai Utara ; Dewan JKR Taman Bukit Kecil, Bukit Mertajam bagi Daerah Seberang Perai Tengah; dan Dewan MPKK Bukit Panchor, Nibong Tebal bagi Daerah Seberang Perai Selatan,” ujarnya.

Tambah Kon Yeow, pentadbirannya akan terus memantau dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi memastikan majikan masih membayar gaji pekerja termasuk buruh migran.

“Setakat ini, maklum balas yang diterima pihak kerajaan ialah majikan masih membayar gaji pekerja migran mereka.

“Namun, kami juga menerima keluhan para majikan terutamanya usahawan SME bahawa pelanjutan PKP akan memberikan beban kewangan yang berat kepada mereka,” ulasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut menjelaskan maklum balas yang diterima daripada Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Pemaju Hartanah & Hartanah Malaysia (REHDA) negeri mengenai aspek keselamatan dan kebajikan para pekerja, termasuk buruh asing.

“Pihak FMM turut memberikan maklum balas bahawa pekerja migran mereka diarahkan untuk mematuhi PKP secara tegas, melaksanakan langkah-langkah kesihatan awam seperti penjarakan sosial dan sekiranya mereka terlibat dengan operasi kilang perkhidmatan penting, maka peralatan seperti pelitup muka serta pensanitasi tangan juga akan disediakan untuk keperluan mereka.

“Sebagai jaminan keselamatan semua di negeri ini, pegawai penguat kuasa dari kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa memantau keadaan tapak-tapak pembinaan untuk memastikan kepatuhan PKP,” tegasnya.

# Pelindung muka ilham jurutera muda bantu petugas perubatan COVID-19

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & PSC**

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang baru-baru ini bersetuju memberikan geran sebanyak RM60,000 bagi menjayakan projek penghasilan 2,000 pelindung muka atau 'face shield' untuk kegunaan petugas perubatan melawan COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini menyatakan bahawa pelindung muka yang disifatkan selamat, selesa, mampu milik serta mudah dihasilkan itu akan diedarkan kepada hospital-hospital dan klinik milik kerajaan.

Malah, beliau turut menyatakan rasa bangga dengan ciptaan anak-anak muda Pulau Pinang berkaitan melalui platform *Penang Science Cluster* (PSC) yang diwujudkan hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri.

"Pulau Pinang tidak memiliki sumber asli, tetapi kita mempunyai sumber kemahiran serta bakat yang sering dicemburui ramai serta menjadi daya penarik para pelabur," ulasnya sambil mengucapkan tahniah kepada kejayaan anak muda Louis Ooi Shiong Yirk atas kejayaan beliau.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara baru-baru ini berkesempatan menemu bual secara peribadi Shiong Yirk bagi mengungkap kejayaan beliau berkenaan.

Sebagai jurutera muda, **LOUIS OOI SHIONG YIRK**, 28, tidak menyangka rekaannya kini digunakan secara meluas oleh barisan hadapan Pulau Pinang dalam 'melawan' penularan wabak pandemik COVID-19.

"Saya dan pasukan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas sokongan yang diberikan... kini kami memasuki fasa seterusnya iaitu penghasilan pelindung muka pada skala yang lebih banyak untuk kegunaan petugas perubatan.

"Buat masa ini, kami akan cuba memenuhi permintaan untuk kegunaan di Pulau Pinang dahulu, sebelum membantu negeri-negeri lain yang memerlukannya," ujarnya ketika ditemui di Wisma Yeap Chor Ee.

Mengulas lanjut, Shiong Yirk menyatakan



**LOUIS Ooi Shiong Yirk** memakai pelindung muka ciptaan beliau pada sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini.

bahawa ilham penciptaan pelindung muka tersebut tercetus menerusi teknik pencetakan tiga dimensi (3D) membabitkan kerjasama daripada Prestige Dynamics Industries (PDI) Sdn. Bhd. dan PSC.

"Pelindung muka tersebut adalah amat berguna terutamanya kepada petugas perubatan yang perlu melakukan saringan terhadap individu yang disyaki menghidap COVID-19.

"Lazimnya, ketika sampel diambil menggunakan putik kapas (ke dalam hidung), individu tersebut akan bersin, melalui pelitup muka ini, ianya mampu

**SEBAHAGIAN** sukarelawan giat menyiapkan pelindung muka untuk kegunaan barisan hadapan dalam memerangi wabak COVID-19.



**SEORANG** petugas perubatan mengenakan pelindung muka ketika bertugas.

melindungi petugas perubatan pada situasi berkaitan.

"Idea asal penciptaan ini terhasil melalui perbincangan dalam aplikasi *WhatsApp Penang Science Cluster* (PSC) bersama-sama dengan Pengarah Operasi PSC, Aimey Lee sambil melakukan rujukan bersama mentor saya, Anita Tan Hai Poo sepanjang proses penghasilannya," jelas beliau.

Sebelum itu, Shiong Yirk turut memperoleh nasihat daripada seorang rakannya yang bertugas sebagai doktor perubatan di Hospital Besar Pulau Pinang dikenali sebagai Dr. Seet Jia Sheng.

"Jia Sheng mencubanya sendiri, beliau juga menawarkan dirinya untuk menganggotai pasukan saringan COVID-19.

"Ujian pada peringkat terakhir mengambil tempoh masa kira-kira tiga jam sebelum ia disesuaikan dengan kehendak Jia Sheng berasaskan penugasan harian beliau," katanya.

Hasil maklum balas yang diperoleh, Shiong Yirk lantas mengadakan beberapa



**TEKNIK** pencetakan 3D yang diaplikasikan.

perjumpaan bersama-sama barisan doktor yang terlibat bagi menambah baik produk ciptaan yang hanya menelan kos RM2.50 setiap satu itu.

Difahamkan, melalui inisiatif penciptaan berkaitan juga, PSC kini sudah mula mengedarkan kira-kira 1,300 pelindung muka berserta 7,000 keping plastik pelindung hadapan di hospital dan klinik-klinik yang memerlukan.

Dalam usaha menyiapkan pelindung muka tersebut pada jumlah yang besar, PSC kini turut mendapatkan bantuan 30 sukarelawan dari semasa ke semasa.

Malah, Shiong Yirk dan pasukannya turut menghargai sokongan dana serta sumbangan persendirian syarikat-syarikat multinasional dan pihak ketiga.

Syabas!



**PRODUK** yang telah siap dihasilkan.

# Lawan COVID-19, Kerajaan Negeri ‘walk the talk’

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** – Lebih sebulan tempoh melawan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan mengotakan janji bagi membantu barisan hadapan (*frontliners*) petugas kesihatan berdepan cabaran pandemik tersebut.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada lawatan dan telesidang bersama-sama barisan hadapan petugas kesihatan Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini 17 April lalu.

“Pihak Kerajaan Negeri senantiasa mengambil maklum tentang cabaran-cabaran yang dihadapi dan ‘walk the talk’ dalam memenuhi keperluan berkaitan termasuk peralatan kelengkapan diperlukan.

“Sama ada secara langsung daripada Kerajaan Negeri atau pihak-pihak swasta dan juga orang awam, saya percaya apa yang kami terima pada peringkat negeri Pulau Pinang, kalau sesuai diguna, ia akan dibawa kepada JKNPP dan Hospital Pulau Pinang (HPP).

“Justeru, saya mahu semua *frontliners* di Pulau Pinang mengetahui bahawa Kerajaan Negeri adalah bersama-sama dengan anda, anda melakukan usaha terbaik dalam mengawal keadaan (COVID-19) di Pulau Pinang,” ujarnya sebagai memberi kata-kata semangat kepada barisan hadapan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan HPP.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Pengarah JKNPP, Dr. Asmayani Khalib dan Pengarah HPP, Dr. Teo Gim Sian.

Melalui taklimat oleh pihak HPP, Kon Yeow mengulangi komitmen sokongan terhadap perkara yang dirancang oleh JKNPP, HPP dan KKM (Kementerian Kesihatan) dalam perjalanan melawan COVID-19 di Pulau Pinang.



**KETUA Menteri dan Dr. Teo Gim Sian, (dua dari kanan) pada sesi telesidang bersama-sama barisan hadapan petugas kesihatan HPP bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.**

Pada kesempatan sama, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua petugas merangkumi klinik-klinik serta hospital seluruh Pulau Pinang dalam berdepan COVID-19 kini.

“Saya ucapkan terima kasih kepada anda semua, perjalanan ini masih belum tamat, masih ada lagi kes-kes yang menunggu perhatian tuan-tuan dan puan-puan, pakar perubatan serta petugas.

“Kita (Kerajaan Negeri) akan bersama-sama dalam perjalanan ini sehingga kita mencapai kemenangan.

“Bagaimanapun, dunia pasca COVID-19 adalah dunia yang berbeza, marilah sama-sama kita kuatkan semangat dan bersatu-padu dalam menghadapi cabaran yang mendatang,” seru Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam pada itu, Asmayani menghargai segala bentuk sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada JKNPP dan juga HPP.

“Segala sumbangan diberikan umpama orang mengantuk disorongkan bantal, kami sangat-sangat terharu.

“Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan, saya harap Ketua Menteri juga sentiasa jaga kesihatan supaya dapat terus memimpin negeri Pulau Pinang ini,” katanya.

## Pastikan semua pihak terjejas dibela

**PINANG TUNGGAL** - Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman mula mengagihkan 626 pek bekalan keperluan asas kepada kluster penerima bantuan kewangan dalam senarai Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang yang terjejas daripada segi pendapatan, ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal memberitahu bahawa pek bekalan keperluan asas tersebut akan dihantar terus ke rumah para penerima, demi memastikan usaha memutuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19 berjaya.

“Barang-barang keperluan asas ini

akan dihantar ke rumah para penerima kerana kita mahu semua pihak terus kekal duduk di rumah, demi menjayakan kempen ‘Penang Lawan COVID-19’.

“(Barang-barang keperluan asas) ini adalah sumbangan tambahan Kerajaan Negeri daripada sumber dana kecemasan berjumlah RM30,000 yang diperuntukan kepada semua ADUN, di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang.

“Sehingga fasa tiga PKP (PKP 3) ini, didapati golongan yang paling terjejas secara langsung adalah mereka yang berniaga sendiri atau (diberi) pendapatan harian, jadi, Kerajaan Negeri akan memastikan semua pihak yang terjejas dibela,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat di Dewan Serbaguna Bertam Putra di sini pada 16 April 2020.

Turut serta, Muhasdey Muhammad iaitu Pegawai Khas kepada TKM I dan beberapa anggota sukarelawan ‘Penang Lawan COVID-19’ peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memberitahu bahawa

rata-rata golongan yang terjejas dek PKP turut menerima pelbagai bentuk bantuan daripada JKM serta Zakat Pulau Pinang (ZPP) sebelum ini.

Dalam perkembangan berasingan, Muhasdey menjelaskan mengenai perkembangan semasa banjir kilat di Kampung Permatang Tinggi B pada 15 April lalu.

“Banjir kilat terjadi apabila hujan lebat turun tanpa henti selama dua jam, dalam jam 9.30 malam baru hujan berhenti.

“Apabila air surut, kita (Pusat Khidmat Rakyat ADUN Pinang Tunggal) terus menyalurkan bantuan keperluan makanan asas secara serta-merta kepada keluarga-keluarga tersebut, pada malam kejadian juga,” ujarnya.

Muhasdey menyatakan bahawa Pusat Khidmat Rakyat ADUN Pinang Tunggal bersama-sama Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Zainuddin Mohamed turut meninjau keadaan sistem perparitan sedia ada yang dianggap tidak mampu lagi menampung kapasiti air, apabila hujan lebat turun dalam tempoh lama.

“Kita mendapati banjir kilat yang berlaku mungkin disebabkan sistem perparitan sedia ada tersumbat, tidak diselenggara dengan baik.

“Sistem perparitan ‘lama’ ini perlu dinaik taraf kerana tidak mampu lagi menampung kapasiti air ketika hujan lebat,” ulas beliau.

## Kelengkapan barisan hadapan komitmen Kerajaan Negeri

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memastikan semua anggota barisan hadapan mendapat kemudahan dan peralatan yang mencukupi dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sehingga 11 April 2020, Kerajaan Negeri telah mengedarkan 1.311 juta pelitup muka kepada barisan hadapan dan kelompok masyarakat yang memerlukan.

“Bagi peralatan perlindungan peribadi (PPE), sejumlah 30,510 set yang diterima oleh Kerajaan Negeri telah disalurkan 100 peratus kepada pihak-pihak berkaitan.

“Begitu juga 309,000 sarung tangan dan sarung kasut serta peralatan lain seperti termometer, pensanitasi dan *face shield* (pelindung muka) yang akan diteruskan dari semasa ke semasa.

“Ini adalah komitmen kami (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) dalam bersama-sama (barisan hadapan) memenangi pertempuran (melawan COVID-19) ini,” zahirnya ketika menyampaikan mesej harian yang disiarkan secara langsung melalui *Facebook* @ ChowKonYeow di sini pada 15 April lalu.

Menurut Kon Yeow, pada 13 April lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah memaklumkan bahawa pihaknya masih memerlukan stok PPE.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mendengar permintaan ini dan komited memastikan hospital serta klinik kerajaan di negeri ini mempunyai bekalan PPE yang secukupnya.

“(Usaha) ini telah menjadi komitmen sejak dari awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan lagi bagi memastikan semua anggota barisan hadapan mendapat kemudahan dan peralatan mencukupi,” katanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa menerima pengemaskinian maklumat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) termasuk aspek bekalan peralatan.

“Saya difahamkan bahawa situasi bekalan PPE di negeri ini adalah terkawal selain keprihatinan Kerajaan Negeri, sumbangan turut diterima daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang begitu komited.

“JKNPP turut memperoleh sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta melalui Kerajaan Negeri bagi pembelian peralatan yang mana senarai peralatan serta *consumables* telah disenarai pendek termasuk nama model dan syarikat pembekal,” jelasnya.

Kon Yeow, dalam pada itu, turut memaklumkan rangkuman perkembangan sepanjang pelaksanaan Fasa 1 PKP (PKP 1) dan Fasa 2 (PKP 2).

“JKNPP memaklumkan bahawa tiada kluster baru direkodkan di negeri kita, dan saya bersyukur kerana semua anggota barisan hadapan kita juga berada dalam keadaan sihat. Semoga doa kita terus bersama-sama mereka.

“(Selain itu), Ketua Polis Pulau Pinang juga melaporkan bahawa kadar kepatuhan sehingga berakhirnya Fasa 2 (PKP 2) pada 14 April 2020, adalah 97.84 peratus dengan jumlah tangkapan seramai 861 individu ingkar.

“15 April 2020 merupakan hari ke-29 PKP bermakna bermulanya Fasa 3 (PKP 3) (sehingga 28 April 2020), saya harap anda akan terus patuh pada arahan, duduk di rumah dan kurangkan pergerakan di luar,” serunya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua anggota barisan hadapan, sama ada di pihak negeri mahupun Persekutuan, yang telah bekerja keras memastikan kesejahteraan Pulau Pinang sepanjang tempoh sebulan lalu.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut menyatakan bahawa beliau yakin bahawa melalui usaha semua pihak, Pulau Pinang akan mampu keluar daripada krisis pandemik berkaitan dan terus berkembang maju serta cemerlang.

“Pulau Pinang tidak boleh berada dalam keadaan krisis untuk selama-lamanya, justeru Kerajaan Negeri turut membuat persediaan berdepan situasi ini melalui ‘Strategi Next Normal Pulau Pinang’,” katanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa ‘Strategi Next Normal Pulau Pinang’ mempunyai tiga misi utama iaitu mengukuhkan ekosistem di Pulau Pinang; menyelaraskan ekosistem kepada perubahan abad ke-21 dan membina ketahanan menghadapi sebarang kemungkinan krisis pada masa hadapan.

Sebelum mengakhiri siaran langsung, Kon Yeow yang mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima sumbangan berjumlah RM250,000 untuk disalurkan ke Tabung COVID-19 Pulau Pinang daripada Intel Malaysia yang diwakili oleh Pengurus Pembangunan Organisasi, Aileen Kee.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menunjukkan pek-pek makanan keperluan asas yang bakal diedarkan kepada rakyat perlu baru-baru ini.**

# Komited beri sokongan kekal prestasi terbaik

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PINANG TUNGGAL** - Sempena kedatangan bulan Ramadan, seramai 70 warga emas yang menghuni Pusat Jagaan Darul Hanan menerima sumbangan barangan keperluan asas daripada Kerajaan Negeri.

Sumbangan melalui Yayasan Food Bank itu disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sempena lawatan beliau ke pusat jagaan berkenaan di sini.

Dalam ucapannya, beliau berkata bahawa Kerajaan Negeri akan terus memberikan sokongan kepada Pusat Jagaan Darul Hanan supaya kekal menjadi contoh terbaik kepada pusat jagaan warga emas lain di negara ini.

"Saya dimaklumkan bahawa Pusat Jagaan Darul Hanan menjadi contoh terbaik kepada

pusat jagaan orang-orang tua di lain-lain negeri.

"Sesungguhnya, saya amat berbangga kerana pusat jagaan ini berada di Pulau Pinang. Justeru, diharapkan agar semua pihak dapat memberikan komitmen serta mengekalkan prestasi terbaik agar kita semua dapat terus berbakti kepada golongan yang memerlukan ini.

"Tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak pengurusan termasuk Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang menjadi tonggak kepada kejayaan pusat jagaan ini.

"Sekalung penghargaan juga kepada pihak pengurusan dan kakitangan sokongan (Pusat Jagaan Darul Hanan) kerana menjadi petugas barisan hadapan sewaktu COVID-19," ujar Kon Yeow dalam ucapan ringkasnya sebelum menyampaikan sumbangan tersebut bersempena lawatannya pada 21 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Yang diPertua MAINPP, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul serta Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ooi Yong Wooi.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pusat Jagaan Darul Hanan, Datuk Jahara Abdul Hamid; Setiausaha Ahli Lembaga Pemegang Amanah Pusat Jagaan Darul Hanan merangkap Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Zulkifli Long serta Ketua Pegawai ZPP, Amran Hazali juga turut hadir.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin sebelum



**KETUA Menteri dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (berkemeja hijau) memerhatikan salah satu aktiviti yang disediakan kepada penghuni Pusat Jagaan Darul Hanan bersempena lawatan baru-baru ini di sini.**

itu berkata bahawa Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap nasib golongan warga emas di negeri ini dan akan terus memainkan peranan dalam membantu pihak-pihak yang menjalankan kerja-kerja sosial.

"Sebagai agensi Kerajaan Negeri, MAINPP akan terus menyokong usaha mana-mana pihak yang ingin memberikan bantuan atau khidmat sosial di negeri ini," katanya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Difahamkan, Pusat Jagaan Darul Hanan yang telah beroperasi sejak 10 tahun lalu kini

menempatkan seramai 70 warga emas berumur lebih 60 tahun terdiri daripada lelaki (48) dan wanita (22).

Antara prasarana yang disediakan di pusat jagaan berkaitan termasuk asrama, perpustakaan, kafeteria, wad, surau, dewan serba guna serta bengkel selain turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan juga bimbingan agama.

Kesemua warga emas yang mendaftar di pusat jagaan berkenaan akan terus diberikan penempatan dan perlindungan sehingga ke akhir hayat mereka.

## Pulau Pinang bergerak ke arah 'Strategi Next Normal'

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangka strategi khas bagi memastikan usahawan-usahawan di negeri ini yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dapat meneruskan perniagaan masing-masing khususnya selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, strategi berkenaan adalah sebahagian daripada 'Strategi Next Normal Pulau Pinang' yang bakal diumumkan untuk menilai keadaan serta membuat persiapan bagi memulihkan urusan seharian di negeri ini.

"Dalam PKP Fasa 1 dan 2, Kerajaan Negeri mengutamakan kesihatan serta keselamatan penduduk negeri ini, namun kita juga sedar bahawa kita tidak boleh berada di dalam krisis untuk selama-lamanya.

"Justeru, Kerajaan Negeri bakal memberikan tumpuan bagi memastikan para usahawan kita mampu bangkit dan meneruskan perusahaan serta perniagaan mereka," katanya ketika ucapan siaran langsung menerusi laman Facebook peribadi beliau di sini 12 April lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa kajian oleh badan pemikir, *Penang Institute* mendapati bahawa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi sektor perkhidmatan merupakan kumpulan paling terjejas akibat krisis COVID-19.

Menurut beliau, kenyataan itu adalah berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap 46 jenis perniagaan kategori PKS membabitkan empat sektor iaitu pertanian, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan.

"(Dan) sekiranya peratusan kebangsaan boleh diguna pakai sebagai garis panduan, maka dalam sektor perkhidmatan ini dalam

kalangan PKS, usahawan mikro merupakan jumlah yang paling ramai terjejas.

"Pendedahan risiko ekonomi akibat COVID-19 seperti pemberhentian operasi, penurunan perniagaan, kesukaran mendapat kredit serta lain-lain ditambah pula dengan sumber yang terhad secara tidak langsung meletakkan kumpulan ini (mikro) sebagai golongan paling terkesan ekoran krisis ini," jelasnya.

Difahamkan, PKS memainkan peranan penting dalam memacu ekonomi Pulau Pinang yang mana kira-kira 99 peratus perniagaan di negeri ini adalah dalam kategori berkenaan dengan nilai tambah ekonomi berjumlah RM30 bilion dan turut menyediakan lebih 400,000 peluang pekerjaan.

Justeru, Kon Yeow memberitahu bahawa selain memperkenalkan Skim Peka PKS, Kerajaan Negeri juga menggesa agar lebih banyak PKS bergerak ke arah pendigitalan memandangkan pelaksanaan kaedah tersebut masih lagi rendah di negeri ini iaitu kira-kira 37.9 peratus.

"Contohnya, menerusi kempen Jom Beli Online yang dilancarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini, saya dimaklumkan bahawa para peniaga yang mengambil bahagian telah merekodkan peningkatan hasil jualan mereka.

"Malah, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga menyediakan platform eBazar Ramadan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memaklumkan bahawa Pulau Pinang mampu mengawal perebakkan wabak COVID-19 dalam tempoh PKP setakat ini tanpa merekodkan sebarang kluster baru.

"Pulau Pinang juga mempunyai kes per 100,000 penduduk yang kedua paling rendah

di negara ini selepas negeri Kedah," ulas Kon Yeow.

### TIP MEMBELI BUAH KURMA

- ✓ Amalkan membaca label dan lihat tarikh luput
- ✓ Lihat secara fizikal dan pastikan bebas dari benda asing seperti pasir, kulat, serangga dan sebagainya

Sebarang pertanyaan dan aduan, hubungi  
Jabatan Kesihatan Negeri atau  
Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat



BAHAGIAN  
KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN



BKKMHQ



BKKMUTAJAYA

# Patuh PKP komitmen semua

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru rakyat Pulau Pinang agar terus mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membolehkan indikator zon bagi bilangan kes COVID-19 yang direkodkan bertukar menjadi hijau di negeri ini dan juga seluruh negara.

Seruan tersebut dinyatakan beliau pada sesi tinjauan sekatan jalan raya di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu menghala Jambatan Pulau Pinang di sini 20 April lalu.

“Kadar pematuhan ini sebenarnya akan membantu barisan hadapan perubahan dalam mengawal penularan wabak COVID-19.

“Dan saya berharap semua pihak terus memberi kerjasama kepada penguatkuasaan supaya kita cepat diklasifikasikan sebagai zon hijau bagi negeri Pulau Pinang dan juga seluruh negara.

“Dengan ini, ia boleh membantu kita bebas daripada wabak pandemik ini dan kita boleh pulang kepada keadaan asal... inilah harapan kita semua,” ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan & Komunikasi.

Turut serta, Ketua Polis Negeri, Datuk Sahabudin Abd. Manan; Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Sotong dan pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM).



**KETUA Menteri dan Sahabudin Abd. Manan (lima dari kiri) merakam gambar bersama-sama pasukan petugas sejurus lawatan dekat sekatan jalan raya di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu menghala Jambatan Pulau Pinang baru-baru ini.**

Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Dato' Sr. Rozali Mohamad turut menyertai Ketua Menteri bagi tinjauan di Seberang Perai.

Dalam tinjauan sama, Kon Yeow turut melawat pos kawalan sekatan jalan raya di Plaza Tol Sungai Nyior (Butterworth) dan Jambatan Pulau Pinang menghala masuk ke pulau.

Kon Yeow dalam pada itu turut menyatakan bahawa beliau berpuas hati dengan pematuhan PKP di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Sahabudin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kon Yeow yang sudi melawat barisan hadapan keselamatan yang bertugas menguatkuasakan PKP di jalan raya.

## Petani sumbang sayur-sayuran segar buat wira barisan hadapan PBT

**GEORGE TOWN** – Kira-kira 2.5 tan pelbagai jenis sayur-sayuran segar disumbangkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan masing-masing baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa pelbagai sayur-sayuran segar yang terdiri daripada kangkung, sawi, bayam dan timun tersebut disumbangkan oleh petani tempatan sebagai tanda penghargaan kepada pekerja kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri yang bertungkus-lumus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini.

“Tidak dapat dinafikan bahawa wira daripada kedua-dua PBT ini berperanan besar dalam membantu menguatkuasakan PKP terutamanya di pasar basah dan lokasi-lokasi awam lain.

“Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban mereka dalam

menyediakan keperluan makanan buat keluarga dalam tempoh pelaksanaan ini,” ujarnya sebelum bersama-sama Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mengedarkan hasil sayur-sayuran segar kepada golongan berkaitan di sini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Dato' Sr. Rozali Mahmud (Datuk Bandar MBSP) dan Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya MBPP).

Jagdeep dalam ucapannya berharap bantuan tersebut dapat memberi manfaat kepada 4,990 petugas barisan hadapan kedua-dua PBT berkenaan.

“Bantuan ini diterima tepat masanya iaitu pada bulan Ramadan, adalah diharapkan ia dapat memberikan manfaat kepada semua,” ulasnya sambil menzahirkan ucapan terima kasih kepada inisiatif murni Norlela serta petani tempatan dalam mengenang jasa wira barisan hadapan negeri.



**JAGDEEP Singh Deo (barisan depan, empat dari kanan) dan Dr. Norlela Ariffin (berbaju kurung) menyerahkan sumbangan sayur-sayuran segar kepada salah seorang Wira Oren MBSP sebagai simbolik majlis penyerahan sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.**

## Jual durian *online* diharap lebih rancak tahun ini

**TELUK BAHANG** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap pemasaran 'Raja Buah' bakal menjadi lebih rancak menerusi platform dalam talian (*online*).

Ini adalah ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan berikutan penularan wabak pandemik COVID-19 yang turut menguatkuasakan larangan penjualan durian di bahu jalan seperti kelaziman termasuk makan di dusun-dusun.

“Penjualan durian secara *online* sebenarnya sudah dimulakan sebelum ini di dusun-dusun Balik Pulau khususnya, dan diharap tahun ini pendekatan berkaitan dapat dirancarkan lagi.

“Memandangkan tahun ini musim durian jatuh pada tempoh pelaksanaan PKP, maka platform *online* ini akan menjadi pilihan yang mana pengusaha perlu menerima pesanan *online*, runding harga dan setelah setuju, maka *cash on delivery* (COD) kepada pelanggan.

“Serentak itu, sebagai inisiatif khas, golongan petani dan pekebun boleh memohon kad khas daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk tujuan 'pelepasan' sekatan jalan raya bagi tujuan penghantaran,” ujarnya kepada Buletin Mutiara pada lawatan khas ke sebuah kebun durian, Wong Durian House di Sungai Pinang dekat sini baru-baru ini.

Objektif lawatan tersebut adalah bagi mendapatkan maklum balas mengenai hasil dan pemasaran durian apabila negara dilanda COVID-19 serta dalam tempoh PKP.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Tambah Kon Yeow, berniaga dalam tempoh PKP, setiap pekebun juga perlu mencari ikhtiar untuk menangani kekangan PKP.

“Saya percaya *online* mungkin boleh rancakkan lagi penjualan kerana pembeli pun tidak perlu pandu kereta dari kawasan Tanjong ke Balik Pulau, sebaliknya pengusaha atau pekerja perlu hantar sampai ke rumah.

“Jadi, pendekatan ini pun membuka peluang perniagaan yang baharu,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Terdahulu, MBPP turut mengumumkan kemudahan 254 premis di pasar awam seluruh pulau



**JAMES Wong (kiri) menunjukkan ciri-ciri kelainan pada setiap durian kepada Ketua Menteri bersempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

yang boleh disewa oleh pemilik dusun daripada pihak majlis.

Dalam pada itu, pemilik dusun *Wong Durian House*, James Wong ketika ditemui menyatakan bahawa hasil durian pada tahun ini adalah amat memuaskan memandangkan keadaan cuaca yang panas dari awal tahun.

“Cuma sekarang kita cari pasaran, sebab sekarang ada COVID-19 pelanggan tidak boleh datang, jadi kita perlu buat *online*... terima pesanan dan hantar kepada pelanggan.

“Inilah cara petani sekarang buat pasaran. Pelanggan tempatan ada yang datang ke kebun, kita boleh jual tetapi tidak boleh lagi makan di sini.

“Saya sendiri gunakan *Facebook* iaitu 'Wong Durian House', saya kena kemas kini memandangkan hasil tuaian adalah amat memuaskan cuma perlu pandai sesuaikan dengan aspek pasaran,” ulasnya.

Ditanya mengenai pertembungan musim durian dengan durian puasa, James mengakui bahawa jualan durian akan sedikit-sebanyak terkesan.

“Permintaan (di bulan puasa) sedikit menurun, memang ada pelanggan yang beli, tetapi dengan harga yang lebih murah,” katanya.

Berasaskan itu, James turut menjangkakan perniagaan durian boleh merosot sehingga 40 peratus pada tahun ini.

| Nama ADUN                                                                                                                                                                                   | No Tel/ No Faks                                          |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|
| <b>N.26 PADANG KOTA</b><br>YAB Chow Kon Yeow<br><a href="mailto:chowkoneyeow@penang.gov.my">chowkoneyeow@penang.gov.my</a>                                                                  | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218                   |
| <b>N.03 PINANG TUNGGAL</b><br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman                                                                                                                    | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526                   |
| <b>N.16 PERAI</b><br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br><a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>                                                                         | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131                   |
| <b>N.07 SUNGAI PUYU</b><br>YB Phee Boon Poh<br><a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my">pheeboonpoh@penang.gov.my</a><br><a href="mailto:pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@yahoo.com</a> | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| <b>N.12 PENANTI</b><br>YB Dr. Norlela Ariffin<br><a href="mailto:norlela.ariffin@gmail.com">norlela.ariffin@gmail.com</a>                                                                   | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871                   |
| <b>N.15 PADANG LALANG</b><br>YB Chong Eng<br><a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>                                                                           | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028                   |
| <b>N.29 DATO' KERAMAT</b><br>YB Jagdeep Singh Deo<br><a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>                                                       | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464                   |
| <b>N.37 BATU MAUNG</b><br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br><a href="mailto:pusatkhidmatn37@gmail.com">pusatkhidmatn37@gmail.com</a>                                                     | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442                   |
| <b>N.08 BAGAN JERMAL</b><br>YB Soon Lip Chee                                                                                                                                                | (T) 04 - 331 0163                                        |
| <b>N.22 TANJONG BUNGA</b><br>YB Zairil Khir Johari                                                                                                                                          | (T) 04 - 890 3866                                        |
| <b>N.34 PAYA TERUBONG</b><br>YB Yeoh Soon Hin                                                                                                                                               | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868                   |
| <b>N.28 KOMTAR</b><br>YB Teh Lai Heng<br><a href="mailto:komtar@dappg.org">komtar@dappg.org</a>                                                                                             | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068                   |
| <b>N.02 BERTAM</b><br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq                                                                                                                                          | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606                  |
| <b>N.06 TELOK AYER TAWAR</b><br>YB Mustafa Kamal<br><a href="mailto:mustafakamal.mka@gmail.com">mustafakamal.mka@gmail.com</a>                                                              | (T) 04 - 351 1732                                        |
| <b>N.09 BAGAN DALAM</b><br>YB Satees A/L Muniandy<br><a href="mailto:n9.bagandalam@gmail.com">n9.bagandalam@gmail.com</a>                                                                   | (T) 04 - 313 3990                                        |
| <b>N.10 SEBERANG JAYA</b><br>YB Dr. Afif Bahardin                                                                                                                                           | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109                   |
| <b>N.11 PERMATANG PASIR</b><br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br><a href="mailto:faizfadzilamanah@gmail.com">faizfadzilamanah@gmail.com</a>                                                    | (T) 04 - 521 1106                                        |
| <b>N.13 BERAPIT</b><br>YB Heng Lee Lee<br><a href="mailto:berapit@dappg.org">berapit@dappg.org</a>                                                                                          | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006                  |
| <b>N.14 MACHANG BUBOK</b><br>YB Lee Khai Loon<br><a href="mailto:kllee78@gmail.com">kllee78@gmail.com</a>                                                                                   | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442                  |
| <b>N.17 BUKIT TENGAH</b><br>YB Gooi Hsiao-Leung<br><a href="mailto:goohsiao@penang.gov.my">goohsiao@penang.gov.my</a>                                                                       | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001                   |
| <b>N.18 BUKIT TAMBUN</b><br>YB Goh Choon Aik                                                                                                                                                | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138                   |
| <b>N.19 JAWI</b><br>YB H'ng Mooi Lye<br><a href="mailto:jawi@dappg.org">jawi@dappg.org</a>                                                                                                  | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163                   |
| <b>N.20 SUNGAI BAKAP</b><br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br><a href="mailto:ybadunsungaibakapn20@gmail.com">ybadunsungaibakapn20@gmail.com</a>                                              | (T)                                                      |
| <b>N.21 SUNGAI ACHEH</b><br>YB Zulkifli Ibrahim<br><a href="mailto:n21adungacheh@gmail.com">n21adungacheh@gmail.com</a>                                                                     | (T)                                                      |
| <b>N.23 AIR PUTIH</b><br>YB Lim Guan Eng<br><a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>                                                                          | (T) 04 - 829 0614                                        |
| <b>N.24 KEBUN BUNGA</b><br>YB Jason Ong Khan Lee<br><a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>                                                                      | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451                   |
| <b>N.25 PULAU TIKUS</b><br>YB Lee Chun Kit<br><a href="mailto:pulautikus@dappg.org">pulautikus@dappg.org</a>                                                                                | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294                   |
| <b>N.27 PENGKALAN KOTA</b><br>YB Gooi Zi Sen<br><a href="mailto:pengkalkota@dappg.org">pengkalkota@dappg.org</a>                                                                            | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523                   |
| <b>N.30 SUNGAI PINANG</b><br>YB Lim Siew Khim<br><a href="mailto:limsiewkhim@penang.gov.my">limsiewkhim@penang.gov.my</a>                                                                   | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630                   |
| <b>N.31 BATU LANCANG</b><br>YB Ong Ah Teong<br><a href="mailto:batulancang@dappg.org">batulancang@dappg.org</a>                                                                             | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422                   |
| <b>N.32 SERI DELIMA</b><br>YB Syerleena Abdul Rashid<br><a href="mailto:32seridelima@gmail.com">32seridelima@gmail.com</a>                                                                  | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611                   |

| NAMA ADUN                                                                                                                      | No Tel/ No Faks                        |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|
| <b>N.33 AIR ITAM</b><br>YB Joseph Ng Soon Siang<br><a href="mailto:airitam@dappg.org">airitam@dappg.org</a>                    | (T) 04 - 829 9143                      |
| <b>N.35 BATU UBAN</b><br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br><a href="mailto:kumar.harapan35@gmail.com">kumar.harapan35@gmail.com</a> | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| <b>N.36 PANTAI JEREJAK</b><br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail                                                          | (T)                                    |
| <b>N.38 BAYAN LEPAS</b><br>YB Azrul Mahathir Aziz<br><a href="mailto:ambasegaria.aam@gmail.com">ambasegaria.aam@gmail.com</a>  | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| <b>N.39 PULAU BETONG</b><br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail                                                                          | (T) 04 - 866 0214                      |
| <b>N.40 TELUK BAHANG</b><br>YB Zolkify Md. Lazim                                                                               | (T)                                    |
| <b>DAP PENANG HQ</b><br><a href="mailto:dappg@streamyx.com">dappg@streamyx.com</a>                                             | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| <b>PKR PENANG HQ</b>                                                                                                           | (T) 04 - 397 0115                      |
| -                                                                                                                              | (T)                                    |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG                                                                                              | No Tel/ No Faks                      |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|
| <b>N.01 PENAGA</b><br>YB Ustaz Yusni Mat Piah                                                                      | (T)                                  |
| <b>N.04 PERMATANG BERANGAN</b><br>YB Nor Hafizah Othman                                                            | (T)                                  |
| <b>N.05 SUNGAI DUA</b><br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor                                                             | (T)                                  |
| <b>PEGAWAI PENYELARAS KADUN</b>                                                                                    | <b>No Tel/ No Faks</b>               |
| <b>N.01 PENAGA</b><br>Md. Khalil Salleh<br><a href="mailto:novafast63@gmail.com">novafast63@gmail.com</a>          | (T) 012 - 598 4881                   |
| <b>N.04 PERMATANG BERANGAN</b><br>Azmi bin Alang<br><a href="mailto:annzaley15@gmail.com">annzaley15@gmail.com</a> | (T) 017 - 585 5457<br>019 - 444 6600 |
| <b>N.05 SUNGAI DUA</b><br>Mohd. Taupek bin Abd. Rahman<br><a href="mailto:hajifek@gmail.com">hajifek@gmail.com</a> | (T) 019 - 415 3850                   |

### Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

|                                      |             |                             |             |
|--------------------------------------|-------------|-----------------------------|-------------|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT  | 999         | JPJ                         | 04-656 4131 |
| DIREKTORI TELEFON                    | 103         | JABATAN PENDAFTARAN         | 04-398 8809 |
| OPERATOR ANTARABANGSA                | 101         |                             | 04-226 5161 |
| HOTLINE MBPP                         | 04-263 7637 | PENANG GLOBAL TOURISM (PGT) | 04-263 1166 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM             | 04-228 9012 | TOURISM MALAYSIA            | 04-261 0058 |
| BIRO PENGADUAN AWAM                  | 04-263 6893 | KERETAPI BUKIT BENDERA      | 04-828 8880 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN                 | 04-262 1957 | FERI (GEORGETOWN)           | 04-210 2363 |
| NEGERI                               |             | (BUTTERWORTH)               | 04-310 2377 |
| KASTAM                               | 04-262 2300 | JAMBATAN PP                 | 04-398 7419 |
| IMIGRESEN                            | 04-250 3419 | STESAN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| WCC (Women's Centre for Change)      | 04-228 0342 | PERSATUAN PERLINDUNGAN      | 04-829 4046 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 | KANAK-KANAK                 |             |
| EPF                                  | 04-226 1000 | CAP                         | 04-829 9511 |
| SOCOS                                | 04-238 9888 | BEFRIENDERS PENANG          | 04-281 5161 |
|                                      |             |                             | 04-281 1108 |
|                                      |             | PERPUSTAKAAN PP             | 04-229 8555 |

### Kalendar Pelancongan



**SALURAN RASMI UNTUK  
INFO TERKINI KEMPEN  
PENANG LAWAN COVID-19**



**penanglawancovid19**



**penanglawancovid19.com**



**t.me/penanglawancovid19**



**penanglawancovid19**

Saluran Rasmi Kempen Penang Lawan Covid-19

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MBSP 2020

| Nama                          | Telefon                          |
|-------------------------------|----------------------------------|
| MBSP                          | 04 - 549 7555                    |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid        | 019 - 464 6696                   |
| Anuar Yusoff                  | 016 - 461 6390                   |
| A'ziss Zainal Abidin          | 017 - 938 9192                   |
| Chee Yeeh Keen                | 019 - 455 7731                   |
| Cheen Goon Hooi               | 012 - 402 0923                   |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397                   |
| Dr. Seow Kweng Tian           | 012 - 507 2229                   |
| Fahmi Zainol                  | 018 - 232 2502                   |
| Galaimani a/l Subramnian      | 012 - 534 1384                   |
| Heng Yeh Shuan                | 016 - 261 2460                   |
| Jason Raj a/l Kirupanantha    | 014 - 905 8113                   |
| Khong Chee Seong              | 011 - 1522 6628                  |
| Marshidaliza Marzuki          | 011 - 3929 9023                  |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir     | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad          | 011 - 1119 4419                  |
| Ong Jing Cheng                | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi                 | 016 - 421 1196                   |
| Shuhada Abdul Rahim           | 010 - 380 7672                   |
| Siti Shahanis Md. Sharif      | 010 - 369 5641                   |
| Tan Chee Teong                | 012 - 401 7718                   |
| Tan Cheong Heng               | 012 - 487 3101                   |
| Tan Choo Eng                  | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679  |
| Wong Chee Keet                | 012 - 451 1312                   |
| Zainuddin Mohamed             | 012 - 479 4200                   |

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama                | Daerah                 | Pejabat / Unit Kewarganegaraan                                    | No. Telefon    |
|------|---------------------|------------------------|-------------------------------------------------------------------|----------------|
| 1.   | Yeap Choon Keong    | Timur Laut             | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2.   | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya             |                                                                   | 018 - 394 4537 |
| 3.   | K. Krishnasamy      | Seberang Perai Utara   |                                                                   | 012 - 488 1553 |
| 4.   | P. Rachenamoorthy   | Seberang Perai Tengah  |                                                                   | 019 - 457 2271 |
| 5.   | U. Jagatisan        | Seberang Perai Selatan |                                                                   | 010 - 563 2279 |

Nota:  
 Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MBPP 2020

| Nama                              | Telefon         |
|-----------------------------------|-----------------|
| MBPP                              | 04 - 259 2020   |
| Abdul Latif Mohamad               | 012 - 248 5016  |
| Ahmad Azrizal Tahir               | 019 - 541 4818  |
| Alan Lim Wei Lun                  | 017 - 343 3995  |
| Andrew Chua Thian Chai            | 016 - 485 0031  |
| Azahari Aris                      | 016 - 499 2580  |
| Azly Ibrahim                      | 011 - 2432 9007 |
| Francis a/l Joseph                | 012 - 474 3321  |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor  | 019 - 413 8114  |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan    | 010 - 505 5571  |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250  |
| Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz  | 019 - 470 0357  |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan     | 012 - 407 7276  |
| Lee Wei Seang                     | 012 - 452 8305  |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah    | 016 - 521 3369  |
| Muhamad Khairul Mohd Ali          | 012 - 542 0520  |
| Nor Afni Md. Yusuff               | 019 - 547 8460  |
| Nur Zarina Zakaria                | 011 - 1578 5098 |
| Rohaizat Hamid                    | 019 - 510 0075  |
| Shung Yin Ni                      | 012 - 413 9246  |
| Tan Chiew Choon                   | 019 - 470 4499  |
| Tan Hooi Peng                     | 012 - 498 6212  |
| Tan Soo Siang                     | 012 - 475 2453  |
| Theng Jie Wey                     | 016 - 418 7108  |
| Wong Yuae Harn                    | 016 - 439 9121  |

## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**  
 YAP LEE YING  
 AINUL WARDAH SOHILLI  
 ZAINULFAQAR YAACOB  
 NORSHAHIDA YUSOFF  
 WATAWA NATAF ZULKIFLI  
 SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**  
 LAW SUUN TING  
 ALISSALA THIAN  
 AHMAD ADIL MUHAMAD  
 DARWINA MOHD. DAUD  
 ALVIE CHENG CHIN WEI  
 NOOR SITI NABILAH NOORAZIS  
 CHAN KOK KUAN  
 ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**  
 IDZHAM AHMAD  
 NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**  
 Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang  
 Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923  
 Email: [buletinmutiara.bpkn@gmail.com](mailto:buletinmutiara.bpkn@gmail.com)

Layari

[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)

[buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

[chowkonyeow](#)

[@chowkonyeow](#)

# Pesatkan digitalisasi usaha bangunkan ekonomi pasca COVID-19

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN** – Ahli Parlimen Port Dickson yang juga Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim kagum dan memuji inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bukan sahaja mendahului dalam penetapan pakej insentif kepada rakyat, malah turut berusaha memastikan setiap aspek diambil kira dalam Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang sebanyak RM75 juta sebagaimana diumumkan pada 25 Mac lalu.

Anwar berkata, sumbangan dan pakej bantuan yang diumumkan tersebut menunjukkan keprihatinan sebenar pihak Kerajaan Negeri dalam menyantuni semua pihak yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terpaksa dikuatkuasakan.

“Seperti di Selangor dan Pulau Pinang, disebabkan pengurusan (pentadbiran) Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, PH) yang telah lama, maka masing-masingnya mempunyai keupayaan lebih.

“Tetapi, berbeza di Pulau Pinang... meskipun sering diserang serta diserang dengan isu-isu politik, tetapi pakej bantuan yang diumumkan ternyata mengambil peduli semua aspek seperti pemandu teksi, *e-hailing* yang majoritinya orang Melayu, wang zakat, bantuan kepada surau dan masjid yang tentunya melibatkan institusi Islam



**KETUA Menteri Pulau Pinang pada Sesi Interaksi Bersama-sama Anwar Ibrahim, Menteri Besar Selangor dan Menteri Besar Negeri Sembilan di sini baru-baru ini.**

serta kebijakan pesakit COVID-19 tetap diberikan perhatian, dan ini menunjukkan keprihatinan sebenar pihak Kerajaan Negeri.

“Fakta-fakta (bantuan) ini ternyata bercanggah dengan tohmahan yang sering dilemparkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, malah penarik beca serta pemandu pelancong yang disisihkan sebelum ini pun turut menerima perhatian,” ujarnya sambil mengucapkan rasa bangga beliau dengan keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pada 21 April lalu, Anwar mengadakan Sesi Interaksi Bersama-

sama Menteri Besar Selangor, Negeri Sembilan dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow secara siaran langsung.

Kon Yeow sebelum itu memberitahu bahawa, Pulau Pinang menggunakan pendekatan 3C iaitu ‘Control’, ‘Communicate’ dan ‘Contain’ dalam menghadapi penularan wabak COVID-19 di peringkat negeri.

“Pada peringkat pertama, kita telah mulakan langkah awal dengan mengadakan pusat kawalan, membatalkan semua perhimpunan besar dan menempatkan kira-kira

5,000 kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membantu mobilisasi dengan agensi barisan hadapan lain.

“Malah, pendedaran pakaian perlindungan diri (PPE), pelitup muka, pensanitasi tangan telah mula diedarkan pada Fasa Pertama PKP dikuatkuasakan, dan kini (Fasa 3) isu bekalan alat perlindungan diri bukan lagi menjadi isu besar kerana Kerajaan Negeri sendiri telah menempah bekalan ini pada peringkat awal dengan peruntukan RM10 juta, dan (menerima) sumbangan daripada pihak swasta serta badan bukan kerajaan (NGO).

“Malah, bagi mengerakkan komunikasi, Kerajaan Negeri giat memperkukuhkan Kempen Penang Lawan COVID-19 kerana kita sedar tanggungjawab terhadap kesihatan awam terletak di bahu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

“Selain laman web, *Facebook*, saluran *Telegram*, talian *hotline*, Kerajaan Negeri juga telah memasang 150 papan iklan di seluruh Pulau Pinang, termasuk menyediakan video informatif dalam empat bahasa bagi mewujudkan kesedaran umum berhubung penjagaan kebersihan diri, jarak sosial serta sebagainya bagi mengawal penularan wabak COVID-19 oleh doktor perubatan jemputan,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi strategi negeri bagi mengurangkan impak sosial dan

ekonomi Pulau Pinang iaitu melalui pendigitalan ekonomi, pengukuhan sektor peralatan perubatan, kepelbagaian sektor elektrik dan elektronik (E&E), mengembangkan sektor perkongsian perkhidmatan global serta memposisikan semula kedudukan negeri dalam anjakan bekalan sedunia.

Sebagai respons, Anwar turut berpendapat dengan Kon Yeow dalam usaha membangunkan kembali ekonomi pasca COVID-19, dengan mengambil langkah memesatkan digitalisasi.

“Kerangka pemikiran baharu adalah pendekatan yang sangat sesuai dan tepat, ia adalah usaha memesatkan digitalisasi seperti *Digital Penang* yang ditubuhkan untuk memangkin peralihan tersebut,” ulasnya.

Pada sesi interaksi tersebut, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Datuk Seri Aminuddin Harun (Menteri Besar Negeri Sembilan) turut sama mengupas inisiatif pakej rangsangan dan langkah-langkah yang telah diambil di pentadbiran masing-masing bagi mencegah penularan wabak COVID-19 sekaligus membantu rakyat terbanyak yang terkesan daripadanya.

Secara umumnya, kedua-dua pentadbiran Kerajaan Negeri tersebut melalui pakej rangsangan ekonomi masing-masing turut memberi perhatian kepada aspek penjaja, sektor pertanian, penjawat awam, perumahan serta impak ekonomi.

## ZPP kemuka SOP kutipan zakat fitrah

**SEBERANG JAYA** – Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengemukakan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan kutipan zakat fitrah termasuk melalui kaunter sementara pandu lalu.

Pun begitu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali memberitahu bahawa kaedah pembayaran zakat fitrah secara konvensional tersebut perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta peraturan-peraturan yang digariskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

“Hanya amil fitrah yang benar-benar sihat dibenarkan bertugas pada jarak sosial satu meter (m) dengan muzakki (pemberi zakat).

“ZPP akan membekalkan pelitup muka dan sanitasi tangan kepada (1,755 orang) amil (ejen pemungut zakat) yang ditauliahkan (meliputi) 239 kariah di negeri ini.

“ZPP melalui surat makluman yang telah diedarkan kepada semua amil fitrah di Pulau Pinang telah mencadangkan beberapa tempat yang luas kawasannya dan sesuai,

seperti balai raya, dewan serbaguna, kaunter sementara pandu lalu dan seumpamanya sebagai opsyen yang boleh dipertimbangkan oleh pihak masjid kariah,” jelasnya dalam sidang media di Ibu Pejabat ZPP, Bandar Perda dekat sini 21 April lalu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) ZPP, Ustaz Mohd. Kairi Ghazali dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) ZPP, Mohd. Fuad Md. Isa turut sertai sidang media tersebut.

Menurut Amran Hazali, ZPP berharap agar pihak pentadbir masjid kariah menyediakan jadual bertugas amil fitrah secara tersusun tanpa mengabaikan aspek keselamatan serta kesihatan pembayar zakat fitrah dan amil fitrah yang bertugas.

“Suka saya sekali lagi tekankan di sini bahawa dalam tempoh PKP ini, ZPP ingin menasihatkan masyarakat Islam di Pulau Pinang supaya menunaikan zakat fitrah dan zakat harta mereka secara dalam talian atau secara digital kerana (kaedah-kaedah) ini adalah

sebahagian daripada ikhtiar kita untuk menghindarkan diri dan ahli keluarga yang kita sayangi daripada dijangkiti wabak COVID-19,” serunya.


Selain itu, beliau memberitahu bahawa ZPP mula mengedarkan poster yang tertera sembilan SOP yang wajib dipatuhi oleh amil dan muzakki kepada pentadbir-pentadbir masjid kariah.

“Masjid kariah akan membuat hebahan kepada anak kariah masing-masing mengenai tempat cadangan untuk menunaikan ibadah zakat fitrah ini,” ujarnya.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Amran Hazali memberitahu bahawa jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun lepas (1440 Hijrah) adalah RM5.06 juta.

“Bagaimanapun, pada tahun 1441 Hijrah, sasaran kutipan zakat fitrah sebanyak RM6 juta yang dicadangkan sebelum ini adalah tanpa mengambil kira negara akan diuji dengan penularan wabak COVID-19.

“Kami (ZPP) berharap para



**AMRAN Hazali menunjukkan poster terbitan ZPP yang tertera sembilan SOP pemungutan zakat fitrah yang wajib dipatuhi oleh amil dan muzakki pada tempoh PKP pada sidang media di sini baru-baru ini.**

muzakki dapat terus memberi keparcayaan kepada ZPP...kerana kami (ZPP) percaya lebih banyak dana zakat diperlukan pasca PKP nanti.

“(Maka,) bayaran zakat anda amat penting demi kelangsungan hidup golongan asnaf terutama dalam kalangan fakir dan miskin,” ulasnya.